

29 MAY 1997

Anwar-Salam

PROGRAM YAYASAN SALAM DILANCAR 22 JULAI INI

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Program Yayasan Salam Malaysia (SALAM) yang akan dilancarkan pada 22 Julai mempelawa rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas untuk melakukan kerja kemasyarakatan dalam tempoh antara 12 dan 24 bulan di dalam atau di luar negara.

Ketika mengumumkan butiran program sukarelawan khidmat sosial Malaysia ala "Peace Corps" Amerika Syarikat itu, Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, penyertaan lepasan baru universiti dan kolej serta pesara yang mempunyai kemahiran atau pengalaman kerja yang berguna sangat disambut baik.

"Sukarelawan dan sukarelawati akan menerima elaun yang mencukupi untuk makan, minum dan tempat tinggal di samping kemudahan perubatan dan insurans yang sesuai sepanjang perkhidmatan mereka," katanya pada majlis taklimat kepada badan-badan bukan kerajaan berhubung pelancaran program itu di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

"Peace Corps", yang kini mempunyai 7,000 sukarelawan yang sedang berkhidmat di 94 buah negara, telah ditubuhkan pada 1961 oleh Presiden Amerika Syarikat, John F. Kennedy, sebagai badan perkhidmatan sukarela antarabangsa yang disertai generasi muda negara itu.

Perkhidmatan sukarela selama dua tahun itu merupakan sumbangan Amerika Syarikat kepada usaha membangunkan negara-negara dunia ketiga termasuk Malaysia antara 1964 dan 1983, dengan menyediakan tenaga pakar untuk membantu dalam bidang pendidikan, pertanian, kesihatan dan kerja kemasyarakatan.

Anwar berkata SALAM merupakan organisasi bebas bukan kerajaan dan bukan mencari keuntungan, yang diberi mandat untuk menganjurkan program-program perkhidmatan secara sukarela dalam pelbagai bidang, terutama yang berfokuskan pendidikan, kesihatan dan kerja-kerja pembangunan komuniti.

Katanya aktiviti-aktiviti SALAM yang ditubuhkan pada November 1996 itu akan dibiayai dengan wang sumbangan individu dan korporat.

"Sukarelawan dan sukarelawati yang dihantar ke luar negara akan dikehendaki bertugas selama 18 bulan ataupun 24 bulan sementara di tanah air pula sekurang-kurangnya selama 12 bulan. Jangka masa yang lebih pendek boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu," katanya.

Beliau berkata SALAM merupakan langkah susulan sumbangan negara kepada kesejahteraan hidup masyarakat kurang bernasib baik di Malaysia dan di luar negara selepas bertahun-tahun Malaysia membina imej dan reputasi yang baik di peringkat antarabangsa.

"Ini merupakan saranan penting Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) yang berpendapat bahawa sudah sampai masanya kita pula mula memberikan khidmat sosial kepada golongan kurang bernasib baik di luar negara. Sementara itu kita juga tidak harus melupakan masyarakat yang terpinggir di negara kita sendiri," katanya.

Anwar berkata SALAM juga merupakan usaha kerajaan menghidupkan semula semangat kesukarelaan di kalangan rakyat Malaysia yang semakin terhakis akibat kepesatan pembangunan dan kemajuan negara.

Ketika mengumumkan mengenai SALAM pada Perhimpunan dan Konvensyen Hari Belia di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini 15 Mei lepas, Anwar berkata kepesatan pembangunan ekonomi dan kemajuan yang dicapai negara tidak harus menghakis semangat kesukarelaan yang pernah wujud di kalangan masyarakat Malaysia.

Pemangku Perdana Menteri berkata Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) Tan Sri Razali Ismail telah dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Salam.

Anggota lembaga pengarah yang lain terdiri daripada Presiden Persatuan Program Sukarela Wargatua dan Pesara Encik Abdullah Malim Baginda, bekas Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Samsuri Arshad, Masidi Manjon (wakil Sabah) dan Anggota Parlimen Santubong Puan Rohani Karim (wakil Sarawak).

Sebuah pasukan petugas turut ditubuhkan bagi menyelaraskan kegiatan-kegiatan SALAM dengan diketuai Pengerusi Pusat Inisiatif Keamanan (Cenpeace) Anwar Tahir.

Anwar berkata selain penggembelangan tenaga badan-badan bukan kerajaan dan sukarela bagi menjayakan program itu, ia turut melibatkan Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Pada majlis dialog selepas itu, Pemangku Perdana Menteri berkata walaupun SALAM merupakan program anjuran badan sukarela, kerajaan memberi sokongan yang kuat kerana ia turut melibatkan imej Malaysia terutama ketika sukarelawan berkhidmat di luar negara.

Setiap sukarelawan yang dipilih akan menjalani kursus induksi mengenai tugas dan tanggungjawab mereka di samping kursus bahasa dan kefahaman budaya bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri di negeri atau negara yang bakal mereka berkhidmat.

"Persediaan yang mencukupi adalah penting bagi memastikan mereka mampu memberikan perkhidmatan yang baik kerana kejayaan dan kegagalan SALAM turut melibatkan imej negara," katanya.

Kepada soalan mengenai cuti pegawai-pegawai kerajaan dan swasta yang menyertai program itu, Anwar berkata perkara itu akan dikaji kerana ia melibatkan tempoh yang agak lama.

Disebabkan itu, katanya, keutamaan diberikan kepada lepasan baru universiti dan kolej serta para pesara kerana agak sukar bagi kerajaan atau mana-mana syarikat untuk melepaskan pegawainya dengan cuti bergaji penuh dalam tempoh yang lama.

Sambil berseloroh, Anwar berkata: "Kalau cuti bergaji penuh dan dibayar pula elaun khas bermakna bukan sukarelawanlah. Saya tak boleh bagi apa-apa jaminan sekarang tetapi bagi kes-kes tertentu kita akan kaji".

Mengenai kemungkinan berlaku pertindihan antara program anjuran Yayasan Salam dengan program lain yang sedia ada, beliau berkata pasukan petugas yang ditubuhkan akan membuat penyelarasan dengan institusi atau badan-badan berkenaan. -- BERNAMA

AH NMO RON